

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	16 August 2015



Muhyiddin diiringi Mohd Shafie ketika hadir **merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO** Bahagian Semporna, semalam. [FOTO MALAI ROSMAH TUAH/BH]

'Saya tak pernah berkomplot'

Semporna: Tan Sri Muhyiddin Yassin menegaskan beliau tidak pernah berkomplot dengan mana-mana pihak untuk menjatuhkan kerajaan yang dipilih rakyat menerusi proses demokrasi.

Katanya, sebagai Timbalan

Presiden UMNO yang bersama-sama membangunkan kerajaan yang ada sekarang, mana mungkin beliau mahu menjatuhkannya seperti didakwa sesetengah pihak.

"Ada yang kata saya nak tumbangkan kerajaan, saya

nak jatuhkan kerajaan. Hebat juga kalau saya seorang diri boleh jatuhkan kerajaan... luar biasa Muhyiddin seorang boleh menjatuhkan kerajaan.

"Saya tak pernah berkomplot... mana ada komplot, ma-

na ada orang bersama-sama duduk semeja (dalam kerajaan sebelum ini) merancang nak tumbangkan kerajaan Barisan Nasional (BN)... bodoh saya, goblok sayakalau buat begitu," katanya ketika merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Semporna di sini, semalam.

Yang turut hadir ialah Naib Presiden UMNO yang juga Ketua UMNO Semporna, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal dan Timbalan Ketuanya, Datuk Nasir Sakaran.

Dapat perhatian

Kehadiran Muhyiddin dan Mohd Shafie berkongsi pentas pada persidangan tahunan UMNO Semporna semalam mendapat perhatian berikutan pengguguran mereka dalam rombakan Kabinet, akhir bulanlalu.

Muhyiddin berkata, beliau bukan seperti Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mahu menjatuhkan kerajaan selepas dipecat sebagai Timbalan Perdana Menteri.